

Petikan - Petikan

PEMIKIRAN DR. MAHATHIR MOHAMMAD



0.92
EM

Sedutan Dari Buku
MENGHADAPI CABARAN



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PUSTAKA PERDANA



1009387



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DILEMMA PELAJARAN

1. Desakan orang Melayu supaya lebih banyak peluang pelajaran diberi kepada anak-anak mereka mungkin memberi gambaran bahawa pendirian mereka terhadap pelajaran adalah positif dan tegas. Sebenarnya, jika dikaji dan diteliti, orang Melayu masih belum dapat memastikan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pelajaran.

Mereka masih khawatir pelajaran seperti yang diberi di sekolah dan universiti mungkin membentuk nilai-nilai baharu yang tidak sesuai di kalangan orang Melayu. Di samping itu pula mereka takut juga tanpa pelajaran mereka akan ditinggalkan zaman dan tidak akan hidup sempurna. *Dilemma* ini menjadi lebih rumit kepada orang Melayu kerana mereka mungkin melitigandakan jurang perbezaan antara mereka dengan kaum-kaum yang lain.

Kekhawatiran orang Melayu tentang kemungkinan nilai-nilai baharu yang berunsur materialisme menggantikan nilai-nilai *kerohanian* kerana menuntut pelajaran yang dikenal sebagai *secular* atau *pelajaran Barat* (Western education) berasal daripada sejarah perkembangan pelajaran secara meluas di negeri ini. *Sungguhpun* ada bukti bahawa orang Melayu boleh menulis dan membaca sebelum kedatangan Islam; tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa *pelajaran* secara meluas dan tersusun cuma bermula apabila mereka memeluk Agama Islam.

'Pelajaran' yang disampaikan kepada orang Melayu oleh orang-orang Arab dan India Islam di waktu orang Melayu mula



memeluk Agama Islam ialah pelajaran khusus berkenaan aqidah (keyakinan atau kepercayaan) dan ibadah. Ini memang wajar kerana agama yang baru ini bukan sahaja patut difaham dengan sedalam-dalamnya tetapi kepercayaan yang lama mestilah dikikis seberapa yang boleh.

hal: 6

2. Oleh kerana pelajaran orang Melayu setelah mereka memeluk Agama Islam lebih ditumpukan khusus ke bidang aqidah, ibadah dan akhlak, ilmu-ilmu lain yang *diteroka dan dirintis* oleh pujangga dan ahli sains dan hisab Islam tidak berkembang dalam masyarakat Melayu. Sebab itu pembangunan yang berlaku dalam masyarakat mereka setelah menganut Islam terhad kepada ibadah dan akhlak dan sebahagian dari nilai-nilai hidup Islam sahaja. Sedangkan Islam adalah Agama yang cukup sempurna yang diturunkan oleh Allah s.w.t. melalui baginda Rasulullah s.a.w. untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia sampai ke akhir zaman. Di dalamnya terkandung satu sistem hidup dan kehidupan yang luas dan menyeluruh untuk kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Hal ini jelas terkandung dalam Al-Quranul-karim dan perjalanan hidup baginda Rasulullah s.a.w.

Dalam Al-Quranul-karim kita dapati hal-hal berkenaan dengan hubungan kita dengan Allah dan hubungan kita dengan sesama manusia dan makhluk-makhluk lainnya. Ibadah kita belum sempurna apabila hubungan kita dengan sesama makhluk tidak baik.

Di samping kita disuruh mengingat Allah juga kita disuruh memikirkan kejadian langit dan bumi ini.

Orang-orang yang mengingat Allah ketika berdiri dan duduk, ketika berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi sambil berkata, Wahai Tuhan kami, Tidaklah Engkau menjadikan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, peliharalah kami dari seksa neraka.

(Al'Imran: 191)

hal: 7

3. Sesiapa yang biasa hidup di zaman penjajah dan masih berada sekarang tidak boleh menafikan bahawa perhatian yang berat

telah diberi kepada pelajaran aqidah dan ibadah Islam dan pelajarannya telah berlipat ganda dari segi sukatan dan peratusan murid yang terlibat. Tetapi keraguan tentang pelajaran secular dan pengabaian pelajaran agama masih didengar. Apa yang menjadi dilemma bagi orang Melayu dan pemimpin-pemimpin mereka ialah dapatkah keraguan ini dihapuskan dengan meningkatkan lagi sukatan pelajaran dalam bidang aqidah dan ibadah dan menambah lagi bilangan penuntut yang mengkhusus dalam bidang ini? Jika dapat, apakah sukatan yang lebih tinggi yang dikehendaki dan berapa ramaikah lagi bilangan penuntut pelajaran tinggi dalam bidang-bidang ini yang mesti ditambahkan.

Hal: 13-14

4. Pada permulaan rencana ini perbezaan antara agama Islam dengan agama-agama lain telah ditegaskan. Islam tidak sahaja menentukan kepercayaan atau keimanan atau aqidah tetapi menentukan juga sesuatu yang dilakukan oleh orang Islam yang tidak tertakluk kepada hukum-hukum agamanya. Sebab itu tidak ada perpisahan dalam Islam antara yang religious (agama) dengan yang secular. Dan dalam bidang pengetahuan pelajaran religious tidak boleh dipisahkan daripada pelajaran secular. Semua pelajaran yang berfaedah bagi manusia menjadi sebahagian daripada ilmu pengetahuan yang dituntut oleh agama Islam. Dan orang Islam yang terpelajar dalam apa-apa bidang adalah orang alim dalam Islam. Seperti mana Imam Ghazali adalah orang yang laim, begitu juga Ibn Sina ialah seorang yang alim. Apa yang membezakan mereka ialah taraf pencapaian dalam bidang masing-masing. Sementara Al-Ghazali mencapai taraf yang tinggi dalam bidang aqidah, syariah, failasuf dan lain-lain ilmu sehingga ke peringkat tasauf, Ibn Sina telah mencapai taraf yang tinggi dalam bidang hisab dan perubatan. Tetapi keIslaman kedua-duanya tidak dapat dipertikai atau dibanding. Kedua-duanya adalah orang Islam dan tidak siapa dapat berkata bahawa keIslaman Ibn Sina adalah kurang dari keIslaman Al-Ghazali. Ukuran dan bandingan seperti ini tidak ada makna dan tidak ada tempat dalam Islam.

Hakikat ini patut disedari kerana terlalu ramai orang yang dengan mudahnya membuat penilaian terhadap keIslaman seseorang. Mereka menggunakan pengetahuan dalam bidang aqidah

dan lain-lain ilmu yang ada kaitan dengannya sebagai sukatan keIslaman. Oleh sebab ini mereka memberikan nilai utama kepada pelajaran aqidah dan cuba menentukan pegangan agama melalui kecapaian dalam pelajaran ini.

Pelajaran aqidah memang disuruh dalam Islam, tetapi pelajaran yang lain juga disuruh. Membelakangkan pelajaran lain tidak bermakna keIslaman menjadi lebih sempurna. Oleh kerana pencapaian seseorang dalam satu-satu bidang tidak dapat disamakan, maka masyarakat Islam tidak dapat tidak akan mempunyai orang yang lebih terlatih dalam bidang-bidang yang berlainan. Seperti mana adanya Al-Ghazali dan Ibn Sina, begitu jugalah masyarakat Islam dalam zaman dan di tempat yang sama atau berlainan akan mengeluarkan orang yang terpelajar dalam berbagai bidang yang berlainan. Asalkan kepercayaan wujud dan ajaran Islam menguasai semua gerak-geri masyarakat itu, Islam akan kekal sebagai agama masyarakat itu.

hal: 14

5. Sejarah moden menunjukkan lagi bagaimana mudahnya negara-negara Islam dikalahkan dan umat Islam disiksa oleh pemerintahan orang yang bukan sahaja tidak Islam tetapi berniat untuk menghancurkan Islam. Jika penaklukan secara kekerasan tidak berlaku, penaklukan secara lain masih boleh berlaku. Jika kepintaran ekonomi tidak ada pada orang Islam, mereka akan menerima penjajahan ekonomi yang boleh melemahkan semangat mereka. Jika berbagai kecekapan moden tidak ada pada mereka, mereka akan dijajah melalui kecekapan ini.

Dan siapkanlah kekuatan untuk menghadapi mereka sekuat kesanggupan kamu dengan pasukan kuda, yang terpaut di perbatasan negeri untuk menakutkan musuh Allah dan musuh kamu dan yang lain di samping mereka yang tidak kamu ketahui, tetapi Allah mengetahuinya. Dan apa-apa yang kamu belanjakan di jalan Allah nescaya akan dibayar cukup kepadamu, dan kamu tidak akan dianiaya. Al-Anfal ayat 60.

Jika kita mengikuti peri hidup baginda Rasulullah, jelaslah kepada kita sewaktu baginda berhijrah ke Madinah, di samping memperkuat iman umat Islam baginda Rasulullah juga berusaha memperbaiki ekonomi umat Islam dengan meme-

rintahkan umat Islam bersama-sama baginda berdiri sebuah pasar untuk umat Islam berjual beli. Ketika itu ekonomi di Madinah dipegang oleh orang-orang Yahudi. Orang-orang Yahudi telah marah dan pada malam hari mereka merobohkan pasar yang dibina oleh Nabi dan para sahabat. Keesokan harinya Nabi membuat lagi pasar baru yang lebih besar dan memerintahkan semua kaum muslimin dan muslimat bertempat di situ. Akhirnya bidang ekonomi di Madinah telah dapat dikuasai oleh umat Islam.

hal: 17

6. Tidaklah keterlaluhan jika dikatakan bahawa orang Islam khususnya di negara ini tidak dapat membuat ibadat tanpa kemudahan-kemudahan hasil daripada berbagai ilmu pengetahuan. Dianya tidak dapat berkain baju yang ditunen, diedar dan dijahit melalui teknik yang disusun dan diurus mengikut pengetahuan bertenun dan berniaga. Ianya tidak dapat berjemaah kerana semua masjid yang ada sekarang tidak dapat dibina tanpa menggunakan cara dan bahan yang dibentuk mengikut pengetahuan yang dikatakan secular. Wang yang banyak yang diperlukan untuk pembinaan pun datang dari cukai ke atas perusahaan dan perniagaan yang wujud kerana pemakaian ilmu yang bukan khusus aqidah (keyakinan atau kepercayaan).

Menunaikan fardhu haji bergantung kepada kapal, kapal terbang dan berbagai kenderaan yang direka dan diusahakan kerana adanya ilmu yang dikatakan *Barat atau secular*. Sebelum ada kemudahan ini sedikit benar terdapat mereka yang dapat menunaikan rukun Islam yang kelima ini. Dan jika orang-orang yang miskin bergantung kepada zakat fitrah sahaja, kebanyakan daripada mereka akan menderita kerana perniagaan dan perusahaan yang memberi kekayaan dan pengeluaran zakat bergantung kepada ilmu-ilmu yang tidak khusus kepada aqidah. Oleh kerana kurangnya orang Islam yang ada pengetahuan untuk mengurus dan mengusahakan perniagaan ibadat zakat kurang dapat menolong orang Islam yang miskin.

Satu contoh yang boleh menunjukkan dengan jelasnya kaitan berbagai ilmu dengan agama Islam di Malaysia ialah *Rancangan Perairan Muda*. Rancangan ini berasas kepada kajian socio-economic masyarakat petani di jelapang padi

Kedah. Selepas itu satu projek perairan dirancang oleh pakar-pakar kejuruteraan pengairan bersama-sama jurutera-jurutera lain. Pakar kewangan dan bank menyemak rancangan ini dan menyusun cara mengadakan wang sebanyak 340 juta ringgit untuk membiayai projek raksasa ini. Pembinaan projek raksasa. Pembinaan projek ini dilaksanakan oleh beratus jurutera, ahli peniaga, pekerja mahir dan tidak mahir, dan pegawai-pegawai dengan menggunakan berbagai jenis jentera dan teknik yang kompleks.

Hasil daripada rancangan ini ialah pengeluaran padi dilipatgandakan dan *lebih banyak zakat dapat dikutip*. Sementara itu lebih banyak petani dapat *menunaikan fardu haji*. Ada lain-lain nikmat yang berunsur agama yang datang dari projek ini. Dan akhirnya petani Islam dapat hidup dan mati dengan lebih sempurna bahagia seperti yang dikehendaki oleh agama.

hal: 18

7. Penguasaan dua atau lebih daripada dua bahasa meluaskan bidang kegiatan tiap-tiap orang. Ianya juga menambah *bidang pengetahuan dan punca maklumat*. Oleh yang demikian orang yang menguasai dua bahasa mendapat lebih advantage daripada orang yang menguasai cuma satu bahasa. Di sini patut ditegaskan masalahnya bukan apa bahasa tetapi berapa bahasa. Jadi persoalannya bukan keupayaan atau kemampuan bahasa kebangsaan sebagai alat perhubungan atau penyerapan pengetahuan. Walaupun Bahasa Kebangsaan itu cukup lengkap untuk maksud dan tujuan-tujuan ini penguasaannya sahaja tanpa lain bahasa adalah satu kelemahan.

Memandang kepada hakikat ini sikap orang Melayu dan khususnya pelajar Melayu terhadap pelajaran bahasa kedua adalah salah. Oleh kerana penerimaan bahasa kebangsaan tidak boleh dicabar lagi, sikap tidak mahu belajar lain bahasa tidak lagi boleh dianggap sebagai sikap pelopor atau sikap pejuang. Lagak pejuang bahasa yang terdapat di kalangan setengah pelajar Melayu sekarang tidak ada makna sama sekali, jika lagak ini diiringi dengan keengganan mempelajari bahasa lain. Penyelewengan dalam pelaksanaan bahasa kebangsaan patut ditegur tetapi menolak pelajaran bahasa lain tidak lagi dapat dianggap sebagai simbol jaguh bahasa.

Sikap dan pendapat yang tidak lagi berasas ini, jika tidak dibetulkan akan merugikan orang Melayu. Kebangsaan dengan penggunaan bahasa Inggeris sepanjang masa oleh orang Melayu yang bersekolah di zaman British tidak perlu dihidupkan semula. Tetapi tidak ada satu sebab yang orang Melayu tidak boleh berbangga kerana fasih dalam dua bahasa, walau apa sekalipun bahasa yang kedua itu.

hal: 24-25

BARAT DAN TIMUR

1. Pertandingan antara Timur dan Barat belum tamat. Sungguhpun Barat tidak lagi menjajah negeri-negeri Timur, Barat tidak ingin lihat Timur menjadi maju dan kukuh sehingga mengancam Barat. Sebab itu sementara Barat membebaskan satu demi satu daripada tanah jajahan mereka, mereka berusaha mempertahankan diri mereka melalui berbagai bidang cara dan alat yang berkesan. Dalam bidang ekonomi mereka menubuhkan E.E.C. atau European Economic Community sebagai satu cara untuk mengawal pasaran dunia supaya Timur tidak dapat bertindak balas terhadap penindasan ekonomi yang dahulu dilakukan oleh Barat terhadap Timur.

Dengan adanya *pasar terkawal E.E.C.* yang begitu kaya, Barat dapat memaksa Timur menerima apa saja harga yang ditentukan oleh Barat terhadap pengeluaran Timur. Satu Jenis imperialisme ekonomi berjalan sekarang kerana penyatuan Negara-negara Eropah dalam E.E.C. Melalui *cukai, quota* dan sekatan *import*, Barat bukan sahaja dapat menentukan bahawa bahan-bahan mentah dari Timur tidak melambung tinggi harganya tetapi pengeluaran perusahaan-perusahaan moden Timur tidak mengancam pemasaran pengeluaran perusahaan yang sama dari negara-negara Barat. Sebab itu dalam inflasi dunia yang terdapat sekarang, sementara harga timah dan getah naik sekejap dan lepas itu turun balik, harga barang-barang buatan perusahaan Barat telah naik dan terus dengan harga yang tinggi.

Timur sedar bahawa kekuatan ekonomi barat sekarang berasas kepada perpaduan mereka melalui pasaran terkawal European Economic Community. Timur tahu bahawa kerjasama

seperti ini amat berkesan. Tetapi negara-negara Timur tidak sanggup bertindak sepakat untuk meruntuh benteng yang didirikan oleh Barat sehinggalah cetus perang Yom Kipur di Asia Barat dalam tahun 1973.

hal: 31

MATERIALISME DAN KEROHANIAN

1. Di antara ideologi dan dasar-dasar yang berpunca daripada materialisme yang berjaya melemahkan pegangan agama ialah komunisme, sosialisme dan kapitalisme. Ketiga-tiga fahaman ini, sungguhpun tidak begitu cocok antara satu dengan yang lain, tetapi semuanya adalah sama kalau dilihat dari kacamata kerohanian. Ketiga-tiga fahaman ini tidak menitikberatkan kerohanian tetapi mendakwa bahawa manusia hidup dan bahagia kerana harta-harta yang dimiliki oleh mereka.

hal: 39-40

2. Oleh kerana kerohanian lemah maka perasaan tamak kepada kebendaan jugalah yang digunakan untuk mencuba mengawal kapitalisme. Konsep komunis dan sosialis yang dicipta untuk menentang kapitalisme tidak sedikit pun dipengaruhi oleh kerohanian dan keagamaan. Kedua-duanya menganggap kepunyaan harta benda dan kekayaan sahaja yang berkesan dalam menegakkan keadilan dan kebahagiaan manusia. Dari segi ini tidak ada perbezaan antara kapitalisme, komunisme dan sosialisme. Ketiga-tiganya menolak kerohanian dan bertuankan kebendaan.

hal: 40-41

3. Semua kejadian ini disebabkan oleh kepercayaan bahawa sistem yang berasas kepada kebendaan dapat memberi kebahagiaan kepada masyarakat manusia. Sosialis berpendapat kononnya kalau kekayaan yang didapati oleh majikan diberi kepada pekerja, maka pekerja akan puashati. Malangnya pekerja juga manusia biasa yang boleh berperasaan tamak sama seperti majikan. Dalam masyarakat yang berpandu kepada kebendaan apa juga yang diberi tidak dapat memuaskan nafsu.

Oleh sebab ini sosialisme tidak boleh memberi ketenangan dan kebahagiaan kepada masyarakat manusia. Sebenarnya kekacauan dan penindasan akan berterusan dalam masyarakat sosialis sama seperti terdapat dalam masyarakat kapitalis.

hal: 43

4. Dorongan kebendaan seperti terdapat dalam masyarakat Sosialis tidak ada dalam falsafah Islam. Persamaan harta benda bukan asas keadilan atau persaudaraan dalam Islam. Pemilikan harta benda memang tidak sama rata dalam masyarakat Islam dan tidak ada tuntutan supaya semua orang Islam memiliki harta yang sama nilainya. Islam menerima hakikat bahawa dalam mana-mana masyarakat akan ada yang kaya dan yang miskin, raja dan rakyat, pemimpin dan penganut.

Ini tidak jadi masalah bagi masyarakat Islam kerana perhubungan antara semua golongan dan lapisan sudahpun ditentukan oleh agama dan penindasan tidak seharusnya berlaku. Jika penindasan berlaku, sebabnya bukan kerana ada golongan-golongan yang tidak sama kaya tetapi sebabnya ialah masyarakat itu tidak mematuhi dan tidak mengamalkan ajaran dan nilai rohaniah Islam.

hal: 45

5. Bersatulah kamu sekalian dalam ikatan tali Allah, dan jangan sekali-kali bercerai-cerai. Kenangkan sejenak nikmat kurnia Allah kepadamu; ketika kamu bermusuhan-musuhan lantas Allah mempertemu hati kamu kembali; sehingga dengan kurnia Allah itu kamu menjadi bersaudara kembali. Dan kamu yang sedang berada di tepi jurang neraka, lantas Allah melepaskan kamu daripadanya. Demikianlah caranya. Allah menguraikan kepadamu ayat-ayat-Nya, semoga kamu dapat petunjuk.

(Ali-Imran: 103)

Dari itu adalah jelas bahawa Islam bukan sosialisme dan sebarang usaha untuk membuktikan bahawa ada unsur sosialis dalam Islam atau asas Islam dalam sosialisme bukan sahaja tidak akan berjaya tetapi tidak seharusnya dibuat. Ianya akan menjatuhkan kedudukan Islam sebagai agama Tuhan kepada satu

ideologi ciptaan manusia biasa. Islam dan sosialisme tidak sama. Sebenarnya Islam dan sosialisme adalah bertentangan.

hal: 46

6. Dalam masyarakat Islam tidak ada kelas. Memang ada orang miskin dan orang kaya tetapi pembahagian kepada kelas tidak berlaku. Orang Islam menghargai perhubungan kekeluargaan, walaupun perhubungannya sudah agak jauh. Keluarga orang Islam tidak terhad kepada ibubapa dan anak sahaja seperti orang Barat. Dari nenek-moyang hingga ke cucu-cicit semuanya diikat dengan pertalian keluarga.

Keluarga yang begini besar tidak mungkin semuanya kaya atau semuanya miskin. Tiap-tiap extended family ini ada yang kaya dan ada yang miskin. Meskipun ada miskin atau kaya mereka masih dari satu keluarga. Ikatan ini tidak dapat diputuskan oleh perbezaan economic class.

Tetapi apabila orang Islam menerima konsep materialisme sosialis dan mula mengejarkan *persamaan* kebendaan maka perpaduan dan persaudaraan Islam tidak memikat hati lagi, kekeluargaan juga dikebelakangkan. Sebaliknya kelas dan pemilikan harta diutamakan. Orang miskin mestilah bermusuhan dengan orang kaya. Orang miskin mesti rampas hak dan harta orang kaya. Kekayaan (yang dirompak) mesti dibahagikan sama rata. Itulah *adilkerana keadilan* bermakna *persamaan*.

Tidakkah agama menuntut keadilan? Jika perbezaan miskin dan kaya tidak adil, maka agama tentulah menentang perbezaan ini. Merampas ditegah oleh agama tetapi rampasan ini ialah untuk mencapai keadilan. Jika keadilan dituntut oleh agama maka merampas juga tentulah disuruh oleh agama!!

Demikian aliran fikiran orang Islam yang sudah menerima fahaman materialis Barat. Kerana tertaksub dengan equality, tafsiran agama juga diselaraskan supaya tidak ada pertentangan pendapat antara hak dan keadilan dalam Islam dengan hak dan keadilan materialisme Barat.

hal: 50-51

7. Hari ini ada negara-negara Islam yang sudah menjadi sosialis dan ada yang menggantikan Islam dengan ideologi komunis.

Semua ini berlaku kerana kekeliruan dan salahfaham tentang materialisme dan kerohanian.

Sebab itu tafsiran terhadap materialisme dan kerohanian perlu dijelaskan. Kekayaan bukan bermakna materialisme dan kemiskinan bukan bermakna teguh kerohanian. Kekayaan dan kemiskinan tidak ada kaitan yang tetap dengan materialisme atau kerohanian. Materialisme boleh wujud dalam kemiskinan dan kerohanian boleh kukuh dalam kekayaan.

Hakikat ini mesti difaham oleh orang Islam. Jika tidak maka ideologi ciptaan manusia mungkin dicampur aduk dengan agama Tuhan dan, mungkin juga, agama dipisahkan daripada orang Islam. Musuh Islam bergerak bukan sahaja di medan perang tetapi juga di alam fikiran. Jika tidak diawasi Islam akan di pengaruhi oleh falsafah Barat dan akhirnya tidak akan merupakan Islam lagi. Dengan itu maka akan hancurlah Islam.

hal: 51

8. Jika kepercayaan kepada Islam dan rohaniah hendak dikekalkan maka kenyataan mestilah mengukuhkan keyakinan bahawa kepercayaan itu benar. Bagi seorang yang menderita, yang terpaksa melupakan kehormatan dirinya, kepercayaan bahawa sebenarnya ia hidup bahagia, bahawa ia sebenarnya lebih beruntung, bernasib baik daripada jirannya yang hidup senang-lenang walaupun tidak beragama, tidak mungkin kekal.

Jika ia terpaksa merayu pertolongan atau bergantung kepada belas kasihan jiran atheis itu, pegangan kepada kepercayaan akan menjadi lemah. Jika golongannya sendiri sama menderita dan tidak upaya menolongnya maka akan bertambah lemahlah pegangannya. Akhirnya jika dalam keadaan terumbang-ambing ini, kepercayaannya di serang oleh golongan materialis yang menolongnya maka akan hancurlah kepercayaannya.

hal: 52

9. Apa yang boleh berlaku kepada seseorang boleh berlaku juga kepada sesuatu golongan, sesuatu masyarakat dan akhirnya sesuatu negara. Inilah yang kita lihat sekarang. Berdepan dengan kenyataan yang tidak dapat dinafi atau ditolak oleh akal, kepercayaan kepada nilai-nilai rohaniah merosot. Usaha untuk memulihkan semua kepercayaan ini gagal kerana yang berusaha

tidak dapat menunjukkan bukti yang jelas bahawa apa yang dipercayai itu benar. Dalam kepercayaan dan kerohanian dengan ideologi-ideologi kebendaan Barat. Ini mungkin mengurangkan keraguan tetapi daripada kajian yang telah dibuat, cara ini cuma melewati sahaja proses hilang kepercayaan. Akhirnya ideologi kebendaan menggantikan kerohanian juga.

Lain-lain golongan pula cuba memelihara kerohanian dengan cara menutup mata dan telinga kepada kenyataan. Semua yang ditafsirkan sebagai keduniaan ditolak dan mereka cuba mengasingkan diri daripada pengaruh luar. Untuk mengembalikan keyakinan kepada nilai-nilai kerohanian yang berkembang di zaman Rasulullah, mereka cuba mengamalkan semua cara-cara hidup pada zaman itu.

Tetapi ini tidak mungkin. Keadaan dunia sudah jauh berubah sehingga tiada sesiapa dapat melindungi diri daripada pencerobohan dunia moden. Zaman dan cara yang telah lenyap tidak boleh dihidupkan semula. Usaha ke arah ini akan gagal dan kegagalan ini akan menambah ancaman terhadap nilai-nilai rohaniah yang hendak dipertahankan atau ditegakkan semula.

Ini terjadi oleh kerana mereka yang cuba mengamalkan cara zaman dulu sering bermusuhan dengan orang lain yang seagama dengan mereka yang tidak sanggup menerima cara lama itu. Permusuhan ini yang sebenarnya bertentangan dengan kerohanian juga akan memecahkan perpaduan di kalangan orang yang percaya kepada kerohanian. Ini sudah tentu akan melemahkan lagi golongan mereka. Akhirnya yang diperjuangkan tidak tercapai dan apa yang ada pada diri sendiri tercicir.

Peristiwa ini berlaku sekarang di Malaysia. Golongan yang mendakwa diri mereka sebagai penganut yang betul-betul mengikut ajaran agama dan nilai-nilai rohaniah menganggap sepi dan mengecam orang yang tidak beserta dengan mereka. Tuduhan dilemparkan terhadap golongan yang sesat ini untuk membuktikan lagi kebenaran sikap diri sendiri. Kerohanian mereka tidak menghalang mereka daripada mengeluarkan kata-kata yang kesat dan tidak benar. Akibatnya ialah nilai-nilai rohaniah tidak wujud.

hal 53

10. Oleh kerana kebendaan yang menjadi asas kehidupan moden Barat boleh melemahkan dan mungkin menghancurkan kerohanian, pentingnya menanam dan menguatkan pegangan kepada nilai-nilai rohaniah adalah nyata. Dalam menanam dan mengembang rohaniah, tafsiran tentang nilai-nilainya mestilah jelas dan tepat. Satu perkara yang kerap dikelirukan ialah hubungan kerohanian dengan taraf dan kedudukan seseorang. Kemiskinan tidak bermakna kukuh kerohanian dan kekayaan tidak bermakna lemah kerohanian. Sebab itu *kelas* tidak wujud dalam masyarakat yang berpandu kepada kerohanian. Oleh kerana kelas tidak wujud maka masalah perbezaan kelas yang menyebabkan sebahagian besar daripada kepincangan yang menyerang masyarakat sekarang ini tidak akan mengancam ketenangan dan kesejahteraan masyarakat yang berpegang kepada kerohanian.

Yang keduanya ialah tafsiran tentang kebendaan atau materialisme. Oleh kerana materialisme dan keduniaan selalu berada bersama-sama maka kedua-duanya kerap kali dikelirukan dan diberi tafsiran yang sama. Sebenarnya seperti yang telah diterangkan kebendaan tidak semestinya bermakna keduniaan. Orang yang memilik harta tidak bermakna bahawa dia menolak kerohanian dan sudah taksud dengan kebendaan. Jika ini benar maka sekalian orang yang mendakwa diri mereka sebagai pemegang nilai rohaniah sepatutnya menolak semua kekayaan melainkan yang perlu untuk hidup dan beribadat sahaja. Tetapi kita tahu bahawa orang yang diberi tugas mengembangkan fahaman rohaniah juga perlu diberi upah yang berpatutan dengan tugas mereka. Pemberian upah yang lebih tidak bermakna bahawa pegangan mereka kepada nilai-nilai rohaniah sudah hilang. Harta atau pendapatan yang dimiliki tidak ada kaitan yang tetap dengan kerohanian.

Oleh sebab itu tafsiran materialisme atau kebendaan patut diasingkan daripada pemilikan harta, kekayaan dan apa yang dikenal sebagai *keduniaan*. Seseorang boleh bersikap positif terhadap keduniaan tanpa menyingkirkan pegangan kepada nilai-nilai rohaniah. Dengan perkataan lain imbalan boleh diadakan antara kerohanian dan keduniaan. Tetapi apa yang

perlu ditegaskan ialah imbangan tidak boleh diadakan antara kerohanian dengan kebendaan atau materialisme.

hal: 53-54

11. Jika pemilikan harta tidak bermakna bahawa kerohanian mesti hilang maka sikap golongan yang berpegang kepada nilai-nilai rohaniah dapatlah ditentukan. Mereka tidak payah menolak kekayaan atau usaha dan kerja yang membawa kepada kekayaan, atau menolak ilmu-ilmu dunia yang penuh dengan masalah ini. Asalkan pegangan mereka kepada nilai-nilai rohani diasuh dari awal dan diperkukuhkan sepanjang masa, mereka boleh berusaha, bersaing dan bertanding dengan golongan lain untuk mencapai kekayaan dan menguasai semua ilmu-ilmu.

Bekerja kuat dan bertekun dalam sesuatu usaha dengan tidak mudah keciwa adalah cara mencapai kejayaan di dunia. Oleh kerana ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai-nilai rohaniah, tidak ada satu sebab yang orang Islam tidak patut bekerja kuat.

Sesungguhnya telah kami tuliskan di dalam kitab ZABUR sesudah peringatan, bahawa bumi ini akan diwarisi oleh hambaku yang Saleh.

(Al-Ambia ayat 105)

Alasan bahawa kerja yang membawa kepada kesenangan dan kemewahan merupakan satu manifestasi tamakkan kebendaan tidak patut menghalang penganut-penganut Islam asalkan ia melakukan apa yang wajib padanya dan kekal dengan kerohaniannya. Bekerja kuat tidak bermakna melupakan kepada suruhan agama. Sebenarnya tenaga dan fikiran yang ditumpukan kepada kerja, mengurangkan kemungkinan menghabiskan masa dengan keluhan dan rintisan terhadap masalah hidup. Menghabiskan masa mengeluh inilah yang menoleh fikiran kebendaan dan pembahagiannya di dunia.

hal: 54

12. Kekeciwaan, atau dengan perkataannya *frastasi*, adalah bertentangan dengan semangat dan jiwa Islam. Sedikit sebanyak kekeciwaan adalah manifestasi sikap tidak syukur. Dianya tidak disuruh mengeluh sepanjang masa

kerana nasib tidak beruntung. Dalam dunia beranika cabaran tidak akan ada seorang yang tidak diserang oleh nasib yang buruk pada sesuatu masa. Ini adalah cabaran yang akan menguji pegangan seseorang kepada kepercayaan dan nilai-nilai rohaniah yang telah disemai di dalam hatinya.

Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum (Bangsa) sehingga bangsa itu sendiri mengubah nasibnya.

(Ar.Ra'd ayat 11)

Dalam perbualan dan berita di negara ini *frust* dan *sedih* tidak pernah jauh daripada bibir orang Melayu, termasuk mereka yang selalu menyebut tentang pentingnya nilai rohaniah dan buruknya kebendaan. Jika sesuatu perkara dunia berlaku tidak seperti kehendak hati maka *kesedihan* dan *frastasi* disebut bertalu-talu. Dengan sendirinya ini membuktikan bahawa pegangan kepada nilai rohaniah tidak kukuh, kerana orang yang kukuh pegangannya tidak mudah keciwa.

Jika dikaji perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. mengembangkan agama Islam. walaupun cabaran demi cabaran menguji kepercayaan ianya tidak *frast* dan tidak *sedih* tentang nasibnya. Perjuangannya diteruskan dan berbagai cara dan tindakan diambil untuk mengatasi cabaran yang menghalangnya.

hal: 55-56

13. Dari ini adalah jelas iaitu jika cabaran dunia moden yang dihadapi oleh pemegang-pemegang nilai-nilai rohaniah hendak diatasi, tidak ada tempat bagi sikap *frast* dan *sedih*. Masalah dunia di mana orang-orang yang berpegang kepada nilai-nilai kebendaan lebih cekap dan lebih maju tidak patut menimbulkan sikap *frast* dan *sedih*. Begitu juga jika ada apa-apa yang terkurang bagi diri sendiri, sebagai orang yang berpegang kepada kerohanian, sikap *frast* dan *sedih* tidak boleh menyerang diri. Sebaliknya semua tenaga dan fikiran mestilah ditumpukan kepada usaha mengatasi halangan dan mencapai kejayaan.

Dengan kesedaran bahawa kekayaan dan kecekapan golongan materialis boleh mengancam pengekal nilai-nilai rohaniah, sikap orang-orang yang menghargai rohaniah terha-

dap kekayaan dan kecekpan dalam semua bidang patutlah jelas. Apa juga cara yang halal untuk mendapat kekayaan dan menuntut ilmu-ilmu yang memberi kuasa dan kekuatan mestilah diusahakan oleh mereka. Apa juga cara yang halal untuk mendapat kekayaan dan menuntut ilmu-ilmu yang memberi kuasa dan kekuatan mestilah diusahakan oleh mereka. Pentingnya usaha ini menjadi lebih jelas dengan wujudnya cara-cara berperang yang moden.

Dizaman moden ini orang-orang Islam menghadapi kemungkinan besar negara dan masyarakat mereka ditawan dan dijajah oleh berbagai jenis penganut materialis. Sama ada mereka ini kapitalis, sosialis atau komunis, mereka semuanya ingin menghancurkan pegangan dan kepercayaan kepada nilai-nilai rohaniyah. Di negara-negara Islam yang telah ditawan dan diperintah oleh komunis di Asia Tengah, agama Islam sudah hilang penganutnya.

Begitu juga nasib orang-orang Islam di Asia Timur dan Asia Tenggara. Agama yang tidak ada penganut, tidak ada makna. Tekanan bahawa akhirat sahaja yang patut diberatkan tidak ada makna juga. Agama ada kerana penganutnya ada. Umat Islam tentulah bersalah kerana kebolehan mereka kurang dan beberapa negara-negara Islam telah ditawan dan rakyatnya (Islam) tidak lagi menganut agama Islam.

Oleh itu penguasaan dan keupayaan bukan sahaja tentang penggunaan alat-alat perang moden, tetapi mengeluarkan dan merekabentuk alat-alat ini adalah satu kewajipan bagi orang Islam. Untuk persediaan pertahanan negara dan umat Islam, orang Islam mesti ada kekayaan yang cukup kerana pertahanan moden memerlukan peruntukan wang yang banyak.

hal: 56-57

14. Dalam Islam menolong orang lain adalah satu kebajikan yang memang disuruh. Pembahagian harta si mati tidak jauh bezanya daripada zakat dan fitrah, derma dan lain-lain kerja kebajikan yang dibuat di waktu hidup. Orang yang terang-terang sedar bahawa hartanya tidak boleh dibawa mati tetapi berusaha juga untuk mengumpulkan harta tentu tidak boleh dituduh sebagai orang tamak. Yang perlu ditimbang bukan

usahanya mencari kekayaan tetapi sikapnya dan kepercayaannya. Jika dia seorang Islam yang berpegang kepada nilai rohaniyah tetapi masih sanggup bekerja mencari kekayaan yang akhirnya akan difaraidkan, ianya patut dihormati dan digalakkan.

Sebaliknya jika kerana tidak dapat dibawa mati, seorang itu tidak mahu bekerja mencari kekayaan dunia, dianya patut dipandang rendah. Ianya terlalu menghargai harta di dunia dan berusaha semata-mata untuk diri sendiri sahaja dan bukan untuk masyarakat. Sikap ini adalah materialistik dan tidak sesuai dengan kerohanian.

hal: 58

ORANG-ORANG MELAYU DAN PENGARUH KOMUNIS

1. Pendirian orang Melayu terhadap komunis berasaskan kepada agama yang mereka anuti. Ajaran Agama Islam terang-terang bertentangan dengan konsep dan fahaman komunis. Komunis menafikan adanya Tuhan dan agama-Nya. Sebaliknya kepercayaan bertuhan ini adalah asas bagi orang-orang Islam. Selain daripada itu Islam menentukan susunan masyarakat dan semua aspek kehidupan dan perhubungan umatnya. Semua ini bertentangan dengan fahaman komunis. Sebab itu kita masih percaya bahawa orang Melayu yang kuat keIslamannya tidak mungkin menyokong komunis atau menjadi pengikut komunis.

Tetapi kita tidak boleh begitu yakin lagi bahawa keIslaman orang Melayu akan kekal sebagai benteng pertahanan terhadap komunis. Sungguhpun tidak ramai, tetapi ada juga orang Melayu yang sanggup menjadi komunis. Di Indonesia umpamanya ramai orang Islam telah menolak agama mereka dan pernah sanggup bermati-matian untuk menjayakan hasrat komunis. Di beberapa negeri Arab dan Albania ada orang Islam telah menolak Islam dan mendirikan pemerintahan yang berideologikan komunis atau separuh komunis. Di selatan Soviet Union, orang keturunan Islam sudah tidak lagi percaya kepada Islam.

hal:62

2. Perpaduan orang-orang Islam dituntut oleh agama Islam sendiri. Tiap-tiap orang Islam adalah saudara kepada orang Islam yang lain. Persaudaraan ini tidak bermakna bahawa sekalian orang Islam sama tarafnya atau terdiri dari satu golongan sahaja. Islam menerima hakikat yang sebenar iaitu dalam masyarakat manusia tentu ada yang miskin dan yang kaya, raja dan rakyat, pemimpin dan penganut, yang berkuasa dan yang tidak. Tetapi susunan dan perhubungan antara golongan-golongan ini sudah ditentukan oleh Islam dengan cara yang mewujudkan keadilan dan persaudaraan.

hal: 63

3. Agama Islam juga menentukan cara-cara pengadilan dan hukum-hukum yang patut dikenakan berkenaan sesuatu kesalahan. Sikap dan taat setia kepada pihak yang berkuasa juga ditetapkan. Pendek kata masyarakat Islam adalah masyarakat yang tersusun, tertib dan dilengkapi dengan cara-cara menghadapi dan mengatasi masalah-masalah yang tidak dapat tidak akan timbul dalam mana-mana masyarakat.

Sungguhpun pangkat dan darjat boleh wujud dalam masyarakat Islam, sekalian umat Islam adalah sama. orang-orang Islam sekaliannya sama bertaqwa kepada Tuhan dan tidak ada orang lain yang menjadi orang tengah antara Tuhan dan orang Islam. Agama lain ada sistem padri atau priests yang bertaraf tinggi dalam agama dan boleh merayu bagai pihak penganut biasa kepada Tuhannya. Islam tidak ada priest berbagai pangkat. yang ada cuma orang yang alim dalam ajaran *agama* yang menjadi pentafsir *agama*. Pope dan Cardinal, bishop dan vicar tidak ada.

hal: 63-64

SISTEM NILAIAN DAN ORANG MELAYU

1. Apakah kaitan penolakan sistem nilai barat dengan kita di Malaysia, khasnya dengan orang Melayu yang beragama Islam. Oleh sebab seseorang dan sesuatu masyarakat tidak boleh memulaukan dirinya, dan oleh sebab cara-cara perhubungan mo-

den maka apa saja yang berlaku di lain tempat akan mempengaruhi kehidupan di tempat ini juga. Kalau Barat menolak sistem nilai mereka dan membentuk nilai baru yang terbalik maka lambat laun masyarakat kita juga akan mengalami perubahan yang sama.

Sebenarnya ini sudah pun berlaku. Di dalam bidang pakaian perubahan berlaku cepat sekali. Tetapi pakaian tidak begitu menjadi masalah. Pakaian menjadi masalah apabila ianya diikuti dengan penukaran lain-lain nilai. Umpamanya kalau pakaian hippy digunakan maka penghisapan ganja, malas bekerja dan lain-lain lagi nilai hippy diamalkan bersama.

Bersekedudukan bukan berleluasa tetapi ada bukti-bukti ia sudah terjadi. Di waktu ini pun sudah terdapat nilai yang membenarkan dan menerima hubungan seks di luar kahwin di kalangan orang Melayu.

hal: 72

2. Agama Islam adalah di antara pengaruh yang terkuat dalam mengubah nilai yang buruk kepada yang baik. Pembunuhan anak perempuan di zaman jahilliah dianggap perkara biasa tetapi Islam meletakkan perbuatan ini sebagai satu kesalahan yang besar. Masyarakat Arab yang menerima Islam menerima nilai yang baru ini dan masyarakat mereka tidak lagi membenarkan perbuatan membunuh anak perempuan. Jika percubaan dibuat, masyarakat sanggup bertindak keras terhadap pengamal nilai lama ini dan ini membuktikan bahawa perubahan yang baik telah berlaku dalam sistem nilai orang Arab. Kebaikan yang berlaku kepada masyarakat Arab kerana perubahan sistem nilai selepas penerimaan agama Islam menunjukkan bahawa perubahan nilai tidak semestinya membawa keburukan. Masalahnya ialah kelemahan manusia dalam memeriksa, mengkaji dan menghitung kesan dan akibat apabila dihadapi dengan percubaan mengubah sesuatu nilai.

hal: 76

3. Dalam masyarakat Melayu, seperti masyarakat lain, sistem nilai memainkan peranan yang utama dalam menentukan nasibnya. Sekarang ini perubahan sistem nilai mereka sedang

Diterbitkan oleh:
BIRO TATANEGARA

